



NEGERI MELAKA

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF MALACCA GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 45
No. 6

15hb Mac 2001

TAMBAHAN
No. 1

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

No. 60.

(Seksyen 263)

PERINTAH JUAL ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya: Siti Hijer bte Hj. Othman, Pentadbir Tanah, setelah menjalankan siasatan atas permohonan pemegang gadaian dalam gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian dan setelah puas hati bahawa tidak ada apa-apa sebab yang bertentangan:

Dengan ini pada menjalankan kuasa yang diberi oleh seksyen 263 Kanun Tanah Negara, Perintah supaya dijual tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang tersebut itu.

Dan selanjutnya saya perintah—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jualan lelong awam yang akan diadakan pada 31 Mac 2001 hari Rabu – masa 9.30 pagi; dan
- (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM84,000.00.

2. Saya dapati bahawa amaun yang kena dibayar kepada pemegang gadaian itu pada tarikh ini ialah RM94,270.55.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Kelemak. No. PT.—1869. Jenis dan No. Hakmilik—HSM 1770. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Gadaian Per. No. 2497/98, Jil. 113, Folio 28.

Bertarikh 2 Mac 2001.
[PTAG. B1/04/8/2000(21).]

SITI HIJER BTE HJ. OTHMAN,
Pentadbir Tanah,
Alor Gajah

AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960

(Akta 486)

No. 61.

(Seksyen 8)

PERISYTIHARAN-PERISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

Adalah dengan ini diisytiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual kepadanya adalah diperlukan bagi maksud yang berikut:

Untuk tujuan jalan masuk.

2. Suatu pelan tanah dan kawasan tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa semasa waktu kerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah di mana terletaknya tanah dan kawasan.

JADUAL

Daerah—Melaka Tengah. Mukim—Alai. No. Lot Ukur—1879. Hakmilik atau Kependudukan—SG. 33091 pt. Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan—Eng Sing Kuan @ Goh Siew Koon. Keluasan Lot—3.09 ekar. Anggaran Keluasan yang akan Diambil—0.5909 hektar (1.460 ekar).

Bertarikh 12 Mac 2001.

DATUK HJ. LUGIMAN BIN ABU SEMAN,
Pengarah Tanah dan Galian,
Melaka

No. 62.

Adalah dengan ini diisytiharkan bahawa tanah-tanah dan kawasan-kawasan yang tertentu yang dinyatakan dalam Jadual kepadanya adalah diperlukan bagi maksud yang berikut:

Untuk tujuan Muzium.

2. Suatu pelan tanah dan kawasan tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa semasa waktu kerja biasa di Pejabat Tanah bagi Daerah di mana terletaknya tanah dan kawasan.

JADUAL

Daerah—Melaka Tengah. Mukim—Kawasan Bandar XXVI. No. Lot Ukur—21. Hakmilik atau Kependudukan—Geran Peringkat Pertama. Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan—Eng Hup Industries Sdn. Bhd. Keluasan Lot—31,799 kaki persegi. Anggaran Keluasan yang akan Diambil—Semua.

Bertarikh 12 Mac 2001.

DATUK HJ. LUGIMAN BIN ABU SEMAN,
Pengarah Tanah dan Galian,
Melaka

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA